

0404

R 8876 DE8
KECAPA - MAHATHIR .

LANGKAWI, 26 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU SEMUA PIHAK MEMPERHEBATKAN USAHA PENYELIDIKAN MENGENAI PENGGUNAAN BAHAN-BAHAN DARIPADA KELAPA.

PERDANA MENTERI BERKATA USAHA ITU AKAN MEMBOLEHKAN PENDAPATAN PENANAM KELAPA DI SELURUH NEGARA DIPERTINGKATKAN.

KETIKA MERASMIKAN PESTA KELAPA ANTARABANGSA DI SINI, BELIAU BERKATA PENGGUNAAN KELAPA DAN BAHAN-BAHANNYA SECARA TRADISI TIDAK LAGI SESUAI SEKARANG,

OLEH ITU, KATANYA, KAJIAN SAINTIFIK DAN MODENAKAN DAPAT MENGEKALKAN INDUSTRI KELAPA KERANA BAHAN-BAHAN KELAPA BOLEH DIJADIKAN PERUSAHAAN KRAFTANGAN YANG MENGUNTUNGAN.

BELIAU MENAMBAH BAHAWA JIKA HALIA YANG DIBUNGKUS SECARA MENARIK DAPAT DIJUAL DENGAN HARGA BERLIPAT KALI GANDA OLEH SEBUAH PASARAYA TERKENAL DI LONDON, BELIAU PERCAYA PERKARA YANG SAMA DAPAT DILAKUKAN KEPADA KELAPA. -- LAGI

1048MST 26 12 87

0405

R B877 DEB
KELAPA - MAHATHIR 2 LANGKAWI

BELIAU JUGA MEMUJI USAHA MENTERI PERTANIAN, DATUK SERI SANUSI JUNID YANG MEMPERKENALKAN KEMPEN MEMINUM AIR KELAPA MUDA YANG DAPAT MENINGKATKAN HARGA KELAPA SEKARANG.

PERDANA MENTERI BERKATA PADA MULANYA RANCANGAN ITU DITERTAWAKAN ORANG TERMASUK BELIAU SENDIRI TETAPI KINI IA MENJADI SATU PERKARA POSITIF SEHINGGA MENIMBULKAN PULA MASALAH UNTUK MENDAPATKAN BEKALAN KELAPA MUDA.

MENURUT BELIAU, KEJAYAAN HASIL KEMPEN MEMINUM AIR KELAPA MUDA ITU JUGATELAH MENYEBABKAN KERAJAAN TIDAK PERLU LAGI MENGELUARKAN SUBSIDI KEPADA PARA PENANAM KELAPA SEBAGAIMANA SEMASA HARGA KELAPA RENDAH SUATU KETIKA DAHULU.

PERDANA MENTERI BERHARAP PESTA DAN SEMINAR ANTARABANGSA MENGENAI KELAPA YANG DIADAKAN SELAMA DUA HARI ITU DAPAT MEMPERKENALKAN LAGI MALAYSIA KEPADA NEGARA-NEGARA LUAR.

SEBANYAK 30 PESERTA DARI THAILAND, FILIPINA, INDONESIA, SRI LANKA HAWAII, MALDIVES, FIJI, PAPUA NEW GUINEA DAN MALAYSIA MENYERTAI PERTANDINGAN MEMANJAT POKOK KELAPA PADA PESTA ITU.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS HARI INI IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI DAN DATUK SERI SANUSI. -- BERNAMA

1052MST 26 12 87